

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS APRESIASI PENDIDIK MARA 2016**

**HOTEL PRIMEIRA, KUALA LUMPUR**

**18 MEI 2016, RABU  
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

ASSALAMU' ALAIKUM WA RAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

## **SALUTASI SEWAJARNYA**

### **MUKADIMAH DAN SEKALUNG TAHNIAH**

1. Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT dengan izin dan keberkatannya dapat kita berkumpul dalam majlis penuh bermakna kepada para pendidik Institusi Pendidikan MARA (IPMa) diseluruh negara Sempena **HARI PENDIDIK MARA 2016**.
2. Pada 16 Mei setiap tahun negara akan meraikan sambutan Hari Guru peringkat Kebangsaan dan MARA tidak ketinggalan meraikan hari Pendidik MARA kerana ianya merupakan satu pengiktirafan MARA di atas peranan dan sumbangan Pendidik MARA dalam mendidik anak anak bangsa terutamanya masyarakat Bumiputera.
3. Pada Kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga MARA dan Institusi Pendidik MARA (IPMa) atas usaha gigih dan komitmen yang telah disematkan dalam memartabatkan bangsa dan negara.

### **AGENDA TRANSFORMASI, 'MEMBANDARKAN LUAR BANDAR'**

4. Dalam menerajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), saya telah melancarkan Agenda Transformasi 'Membandarkan Luar Bandar'. Agenda ini adalah bermatlamat untuk menjadikan kawasan luar bandar yang lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar.
5. Dalam Agenda Transformasi Membandarkan Luar Bandar tersebut, terdapat enam (6) fokus utama yang berkait rapat dengan peranan sektor Pendidikan. Fokus kelima (5) merujuk

kepada Modal Insan yang lebih menekankan aspek kecemerlangan modal insan luar bandar ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

6. Dalam Fokus Modal Insan ini, ada 3 daripada 5 transformasi yang diwujudkan amat berkait rapat dengan sektor pendidikan MARA. Dengan pengalaman yang begitu luas dan penglibatan MARA dalam pembangunan modal insan ini bermula dari awal penubuhan MARA lagi, saya rasa penuh yakin, MARA boleh merealisasikan transformasi yang dicadangkan tersebut. Ia itu :-

a. **Memperluas TVET (Technical Vocational Education Training) bagi melahirkan tenaga kerja berpendapatan tinggi. (Trasformasi 11 – T11)**

MARA perlu memperluaskan bidang TVET ini, dengan menerokai bidang-bidang baharu yang berteknologi tinggi yang akan menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat Bumiputera dan negara.

b. **Pengiktirafan sijil kemahiran sebagai tiket ke universiti. (Trasformasi 12 – T12)**

Pengiktirafan ini perlu bagi memberi peluang kepada mereka yang menceburi dalam bidang kemahiran ini untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu teknologi ke peringkat yang lebih tinggi tanpa sebarang sekatan bagi merealisasikan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

c. **Penubuhan Universiti MARA (UniMARA) – (Trasformasi 13 – T13).**

Penubuhan Universiti MARA (UniMARA) adalah sangat bertepatan dan merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan MARA. Penubuhan UniMARA adalah bertujuan untuk melatih dan melahirkan pemimpin dan profesional yang berkualiti bagi menerajui dalam pelbagai bidang dan sektor sekaligus menjadi pemangkin mendaya modal insan di bawah Agenda Pemerkasaan Bumiputera.

**MARA 50 TAHUN LALU dan 50 TAHUN AKAN DATANG**

13. Sempena Sambutan 50 tahun penubuhan MARA pada tahun ini, banyak kejayaan telah dicapai oleh MARA terutamanya dalam bidang pembangunan modal insan Bumiputera. Seperti dimaklumkan, MARA telah berjaya melahirkan 921,211 usahawan dan hampir 1.2 juta pelajar dilatih, dididik melalui institusi pendidikan MARA (IPMa) serta program penajaan dalam dan luar negara.
14. Bagi mendepani 50 tahun mendatang KKLW dan MARA telah merangka pelbagai strategi bagi mencapai wawasan untuk menjadikan masyarakat Bumiputera sebagai "*Entrepreneurial Nation*" (Bangsa Usahawan).
15. Pencapaian Bumiputera dalam bidang keusahawanan ini masih jauh jika dibandingkan dengan masyarakat lain. Penglibatan kita mungkin secara kecil-kecilan bukan berskala besar. Dalam bidang industri, kita masih melibatkan diri dalam industri kecil dan sederhana tetapi kurang memberi tumpuan kepada industri besar dan berteknologi tinggi yang boleh memberi impak kepada pendapatan negara.
16. Oleh itu, keberhasilan transformasi dan wawasan ini, tidak dapat direalisasikan dengan begitu mudah tanpa penyediaan modal insan yang berkualiti dalam pelbagai bidang bagi memikul tanggungjawab besar ini.
17. Maka para pendidik MARA mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar bagi memastikan keberhasilan transformasi dan wawasan ini menjadi kenyataan.
18. Pendidik perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan kepakaran disamping memiliki sifat pengorbanan, integriti dan jati diri yang tinggi.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Tema Hari Guru 2016 iaitu '**Guru Pembina Negara Bangsa**' yang amat bertepatan sekali dengan hasrat kerajaan dalam memperteguhkan peradaban bangsa melalui pendidikan.
20. Peradaban bangsa akan terus utuh dan mantap hanya apabila peranan pendidik dapat memastikan generasi yang dilahirkan adalah generasi yang holistik cemerlang yang mampu memenuhi keperluan kepesatan pembangunan negara dan global.
21. Dalam konteks kita di MARA ini, peradaban bangsa adalah merujuk kepada melahirkan warga Bumiputera global iaitu warga Bumiputera yang berakar nasional dan berakal *international*.
22. Justeru itu, peranan pendidik MARA sebagai pembentuk masyarakat Bumiputera untuk menjadikan mereka menguasai ilmu dan teknologi, jati diri yang tinggi, nilai etika yang kukuh dan mampu bersaing di peringkat global amat penting sekali.
23. Pendidik MARA harus memikul tanggungjawab yang berat ini dengan melaksanakan tugas dari cara biasa kepada yang luar biasa, berdaya tahan, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan berfikiran taraf dunia (*world class thinking*).

#### **PESANAN KEPADA PENDIDIK MARA**

24. Sebagai pendidik MARA, satu sifat yang perlu ditanamkan dalam diri masing-masing adalah merasakan kerjaya sebagai pendidik ini satu kerjaya yang mulia. Ini berasaskan kepada hadith Rasulullah saw. yang bersabda:-

*“Jika seseorang meninggal dunia, maka amalannya terputus kecuali dari tiga perkara, sedekah jariyah, **ilmu yang bermanfaat**, dan anak soleh yang berdoa kepadanya.” (HR Muslim).*

25. Ilmu yang bermanfaat ini bermaksud ilmu yang diajarkan ketika seseorang itu masih hidup dan ia kemudiannya dimanfaatkan pula oleh orang lain, maka pahala mengajar itu berterusan selagi orang yang menerima ilmu itu mengamalkannya. Maka jadikanlah profesion pendidikan ini sebagai satu bentuk ibadah kita kepada Allah swt.

26. Maka dengan memiliki sifat rasa mulia ini dapatlah para pendidik meningkatkan dan memaksimumkan kapasiti yang ada ke arah membentuk dan melahirkan bangsa Bumiputera yang lebih hebat daripada bangsa lain, bukan lagi sekadar untuk melahirkan bangsa Bumiputera yang setaraf dengan bangsa lain.

## **PENUTUP**

27. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada insan yang bergelar **Pendidik**. Biarlah ungkapan keramat ‘guru’ atau ‘pensyarah’ terus kekal meniti di bibir pelajar, ibu bapa dan masyarakat hingga ke akhir hayat. Semoga para pendidik MARA terus menjadi penyuluh dan suri teladan dalam memartabatkan tradisi keilmuan dan membentuk kesempurnaan akhlak generasi demi generasi.

Saya akhiri ucapan dengan menyampaikan dua rangkap pantun,

*Manik menghiasi cantik sulamnya,  
Corak indah menjadi sebutan;  
Jasamu Pendidik tiada bandingannya,  
Pasir sebutir dijadikan intan.  
Buah pinang di dalam peti,  
Pinang dibeli di hujung desa;  
Segala budi dan curahan bakti*

*Tak akan dilupa, terpahat sentiasa.*

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Hari Pendidik MARA 2016.

Sekian, terima kasih.